

## Masjid sebagai Hab Kebajikan Masyarakat serta Sinergi Dakwah di Malaysia dan Aceh

Mosque as a Charity Hub of the Society and Da‘wah Synergy in Malaysia and Aceh

MOHD FARID MOHD SHARIF <sup>\*1</sup>, NOOR SHAKIRAH MAT AKHIR<sup>1</sup>, MOHD NAZMI MOHD KHALLI<sup>1</sup>, NORSOFIAH ABU BAKAR<sup>1</sup> & JASAFAT<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang

<sup>2</sup>Fakulti Dakwah dan Kommunikasi, University Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia

\*Corresponding Author; email: faridusm@usm.my

Received: 31 January 2024/ Revised: 1 April 2024/ Accepted: 2 April 2024/

Publish: 1 December 2024

### ABSTRAK

*Masjid memainkan peranan penting dalam membangunkan peradaban umat Islam melalui misi dakwah. Situasi yang wujud dalam era baru menjadi satu cabaran yang memerlukan pendekatan dakwah itu sentiasa seiring dengan perkembangan dan keperluan masyarakat terkini. Misi dakwah yang dilaksanakan oleh masjid perlu diperhalusi dengan meletakkan perancangan kukuh dan berpanjangan agar mereka kekal relevan dan salah satu perancangannya itu ialah menawarkan perkhidmatan kebajikan sosial. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan ingin menonjolkan peranan unik masjid dalam melaksanakan perkhidmatan kebajikan sosial. Kaedah kajian menumpukan metode kualitatif menggunakan temu bual mendalam dan analisis kandungan. Sebanyak empat buah masjid dari seluruh Malaysia dan sebuah masjid dari Aceh dipilih menjadi informan untuk meneroka pengalaman mereka dalam melaksanakan perkhidmatan kebajikan sosial yang efisien dan efektif melalui proses sinergi yang kondusif. Kemudian, hasil temu bual di lapangan disusun mengikut tema yang bersesuaian dengan kehendak kajian. Hasil kajian mendapati, teras maqasid shar‘iah dijadikan panduan dalam menguruskan kebajikan masyarakat. Sementara dari aspek aplikasi, sinergi dakwah masjid dengan pelbagai pihak berautoriti dapat memperkasakan peranannya agar kekal relevan dengan perkembangan dan keperluan masyarakat terkini. Kajian menyimpulkan bahawa masjid di Malaysia dan Aceh sentiasa bersifat responsif dengan kehendak masyarakat seiring dengan perubahan masa dan diyakini akan terus berperanan aktif sebagai hab kebajikan dalam masyarakat bagi memastikan sinergi dakwah itu dapat diperkasakan.*

Kata kunci: Masjid; dakwah; maqasid shar‘iah; Malaysia; Aceh

### ABSTRACT

*Mosque plays an important role in developing the civilisation of Muslims through the da‘wah mission. The development of society posed a challenge, requiring the da‘wah approach to be adjusted to meet society’s evolving needs and developments. The da‘wah mission undertaken by the mosques needs enhancement through a robust and long-term strategy to ensure their continued relevance, with one such strategy being the provision of social charity services. Thus, this study aimed to highlight the unique role of mosques in carrying out social charity services. The qualitative methods were applied in this study using in-depth interviews and content analysis. The study selected four mosques from Malaysia and one from Aceh as informants to investigate their experiences in creating the synergy that facilitates efficient and effective social charity service delivery. Then, the results of the interviews were arranged according to themes that suit the needs of the study. The study results found that the core maqasid shar‘iah is used to guide society’s charity. The collaborative da‘wah efforts of mosques with various authorities can enhance their role, keeping them pertinent to the current societal developments and needs. The study concludes that mosques in Malaysia and Aceh are highly attuned to societal needs as they evolve over time, and they will undoubtedly maintain their active role as charitable hubs, ensuring the empowerment of da‘wah synergy.*

Keywords: Mosque; da‘wah; maqasid shar‘iah; Malaysia; Aceh

## PENDAHULUAN

Nabi Muhammad S.A.W telah diutuskan untuk berdakwah kepada manusia untuk kebaikan mereka sendiri (Mohd Farid & Roshimah 2018; Mohd Khambali@Hambali et al. 2022). Dalam al-Quran, Allah S.W.T berfirman dalam surah al-Anbiya', ayat 107 yang bermaksud: "tidaklah Aku utus engkau kecuali membawa rahmat ke seluruh alam."

Al-Zuhayli ketika mentafsirkan ayat di atas menyatakan bahawa Allah S.W.T mengutus Nabi Muhammad S.A.W dengan memberinya al-Quran, petunjuk dan hukum-hakam. Baginda S.A.W membawa rahmat untuk seluruh alam terutamanya bagi manusia dan jin (al-Zuhayli 1941).

Setelah Nabi Muhammad S.A.W wafat, amanah untuk menyampaikan dakwah digalas oleh umat Islam agar segala ajaran Islam itu terus kekal buat selamanya. Maksud firman Allah S.W.T dalam surah Ali 'Imran ayat 104: "dan hendaklah terdapat dalam kalangan kamu umat yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala yang salah. Mereka yang bersifat demikian adalah yang berjaya." Berdasarkan ayat ini, al-Ghazali (1993) menyatakan bahawa tugas amar makruf dan nahi munkar menjadi suatu kewajipan kepada umat Islam.

Amalan amar makruf dan nahi mungkar boleh dijalankan di rumah ibadat Islam seperti masjid dan surau yang merupakan pusat ibadat dan muamalah. (Sidi Gazalba 1971). Sebagai pusat tamadun, masjid mempunyai peranan penting dalam membangunkan dan mengukuhkan masyarakat (Nurjamilah 2016; Ahmad Hassan et al. 2021). Berdasarkan beberapa literatur, didapati bahawa masjid telah berjaya memupuk peradaban dan kegemilangan umat Islam melalui amalan makruf dan nahimungkar. (Kurniawan 2014).

Zaydan (2001) telah menggariskan beberapa syarat utama yang perlu dimiliki oleh seorang pendakwah untuk meningkatkan lagi keberkesanannya penyampaian dakwahnya. Antara syarat itu ialah pendakwah harus menonjolkan standard akhlak yang baik selain mempunyai pengetahuan asas yang secukupnya dalam bidang agama. Satu syarat lagi yang turut ditekankan oleh beliau ialah wujudnya usaha sama dalam aktiviti dakwah antara pendakwah dengan masyarakat dan pihak berautoriti. Kadangkala proses dakwah turut melibatkan prosedur mahkamah dan undang-undang. Oleh itu, adalah penting untuk mewujudkan sinergi antara pihak-pihak tersebut.

Individu yang memiliki latar belakang pendidikan yang tinggi dan kemahiran profesional boleh menjadi kurang cekap dalam berdakwah jika tidak mempunyai strategi dan perancangan yang baik. Malah, mesej dakwah boleh jadi tidak dapat disampaikan dengan berkesan jika individu yang bertugas menyampaikannya kurang mahir atau kurang pengetahuan tentang cara untuk merapatkan jurang sosial dalam sesebuah komuniti (Asmadi & Ramli 2020). Banyak berita dan kisah telah dikongsi dalam media massa tentang berlakunya krisis keyakinan terhadap agensi dakwah disebabkan pihak yang terlibat di dalamnya itu kurang bersedia dan kurang berkelayakan (Badlihisham, Ahmad & Norhidayu 2019).

Justeru, artikel ini cuba menggarap isu di atas dan mengemukakan suatu cadangan penyelesaian dengan meletakkan harapan kepada institusi masjid sebagai hab kebijakan dalam masyarakat.

Selain cuba menganjak fungsi masjid yang dilihat stereotip hanya sebagai tempat ibadat kepada suatu fungsi yang lebih luas dengan menggabung jalin amalan sedia ada dengan aktiviti baru. Dalam artikel ini, aktiviti baru yang ingin disarankan ialah usaha pemberdayaan masyarakat melalui kegiatan kebijakan.

### PENDEKATAN DAKWAH DALAM BENTUK AKTIVITI KEBAJIKAN: REALITI DI MALAYSIA MASAKINI

Inisiatif untuk memperkasakan hak-hak kebijakan masyarakat telah lama dilaksanakan sejak bermulanya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990) dan berterusan pula kepada Dasar Pembangunan Nasional (DPN) (1991-2000). Objektif utamanya ialah untuk menoktahkan kadar kemiskinan dan mengurangkan kesenjangan sosial antara rakyat yang berbilang kaum (Rahimin et.al. 2011). Kini, inisiatif Ekonomi MADANI diperkenalkan sebagai gagasan baru negara untuk memastikan rakyat Malaysia mendapat manfaat yang saksama dan adil tanpa terkecuali. Secara langsung, menerusi gagasan ini dapat mengukuhkan kestabilan politik dan meningkatkan kemakmuran negara sekaligus memastikan rakyat bersatu padu dalam meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya (Pejabat Perdana Menteri 2023).

Menyedari harapan negara dalam usaha mengurangkan bebanan rakyat, pelbagai inisiatif kebijakan telah dilaksanakan bagi membantu masyarakat yang kurang berkemampuan. Namun, usaha ini memerlukan inisiatif secara kolektif dan

sinergi pelbagai pihak dan peringkat untuk bersama-sama membantu perjuangan negara ke arah saling menjaga kebijakan rakyat. Menelusuri detik getir ketika dunia dilanda pandemik COVID-19 pada tahun 2020, hampir keseluruhan negara termasuklah Malaysia bertarung mengharungi COVID-19 dengan mengamalkan perintah kawalan pergerakan (PKP) untuk mengekang penularannya (Norhafizah & Latifah 2023). Namun, kesan negatif di sebalik PKP itu telah menyaksikan penyusutan purata pertumbuhan ekonomi dengan ketara. Impaknya, sebahagian besar masyarakat telah terperangkap dalam kitaran ekonomi yang merbahaya seperti kehilangan sumber pendapatan, gaji menjadi rendah, keuntungan rendah dan kurang nilai daya saing (Hishamudin, Mashetoh & Rohaya 2021).

Belum lagi reda pandemik COVID-19, negara bertarung pula dengan isu bencana banjir puing yang berlaku luar jangka pada sekitar tahun 2021 mengakibatkan pelbagai implikasi kepada masyarakat seperti kehilangan nyawa, kerosakan harta benda dan tempat tinggal (Ibrahim, Che Aziz & Abd Rasid 2022).

Dalam menghadapi isu-isu di atas, pelbagai pihak di Malaysia masih mempamerkan kerjasama dalam menghulurkan bantuan kepada mereka yang terbeban. Terdapat pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) termasuklah sukarelawan tampil menawarkan inisiatif bantuan. Tidaklah terkecuali juga usaha bantuan yang dilakukan oleh masjid dan rumah ibadat bukan Islam seperti gereja dan kuil dalam menyediakan bantuan berbentuk wang tunai dan barang runcit asas. Sebagai contoh, terdapat masjid dan kuil di Selangor yang bertindak menjadi pusat transit sementara untuk mengagihkan sumbangan bantuan orang ramai (Bernama 2021; Abdul Rahman et al. 2020).

Pada asasnya, masjid bukan sahaja berperanan sebagai tempat ibadat, bahkan sebagai tempat aktiviti tolong-menolong dan penyebaran ilmu. Kajian Khaerul Wahidin et al. (2020) menyatakan meskipun negara berada dalam pandemik COVID-19, kebanyakan masjid di Malaysia masih aktif dengan aktiviti penyampaian ilmu. Begitu juga dengan kajian Razaleigh (2014), Bushral Huda dan Muhamad Faisal (2014) dan Abd Hadi Borham et al. (2020) yang menjelaskan tentang aktiviti penyampaian ilmu di masjid sebagai salah satu aktiviti yang melibatkan penyertaan masyarakat setempat. Selain itu, terdapat juga beberapa kajian lain yang membincangkan pelbagai aktiviti masjid dalam usaha menjalankan hubungan dengan segmen-

segmen masyarakat seperti Muhammad Imran et al. (2020) dan Mohd Ridhuwan et al. (2020).

Terdapat juga perbincangan yang menyatakan peranan masjid dalam menyantuni kebijakan masyarakat. Namun, kebanyakannya memberi fokus khusus kepada aspek pengurusan kewangan masjid. Sebagai contoh, kajian Utama et al. (2018) mengulas tentang aktiviti kaunter pinjaman mudah tanpa faedah melalui tabung dana yang terdapat di Masjid Ummul Mu'minin. Husnul Rita dan Nor Saadah (2014) pula mengkaji proses sinergi antara masjid dengan pihak pemegang taruh untuk melabur dana masjid kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang diusahakan secara kecil-kecilan dan sambilan. Selain itu, Sharifah Norhafiza et al. (2021) pula mengulas tentang aspek pengurusan ekonomi masjid dalam model yang bersistematis. Manakala tulisan M. Aliie dan Zulfa (2011) mengulas peranan masjid sebagai pusat perlindungan mangsa bencana banjir.

Fungsi masjid seperti yang disebutkan di atas itu juga dilihat berlaku di Aceh. Dalam kajian yang dibuat oleh Karsono et al. (2023), Masjid Raya Baiturrahman Banda Aceh telah menyediakan sebahagian ruang dalam masjid kepada golongan peniaga. Di Banda Aceh, golongan peniaga ini lebih dikenali sebagai pedagang kaki lima (PKL). Hasil penelitian mereka menunjukkan bahawa aktiviti tersebut telah menyumbang kepada kelangsungan kehidupan PKL untuk memperolehi pendapatan.

Sebahagian kajian lain pula didapati menggunakan istilah *ta'awun* untuk merujuk kepada aktiviti-aktiviti masjid yang berbentuk kemasyarakatan. Maksud *ta'awun* ialah saling tolong-menolong antara satu sama lain dan kebiasaannya disebut dengan dua lagi istilah iaitu *tanaashur* (saling membantu) dan *taraahum* (saling kasih-mengasihi) (Zaleha 2023). Antara kajian yang diperolehi dalam konteks *ta'awun* ialah tulisan Wahab dan Syaharuddin (2020). Mereka menjelaskan pelaksanaan amalan *ta'awun* yang betul di masjid boleh membantu golongan yang berpendapatan rendah mencari wang tambahan. Abdul Rahman et al. (2021) pula menjalankan sebuah projek berdasarkan amalan *ta'awun* berhubung agihan bantuan kebijakan melalui Masjid al-Syakirin di Gombak sepanjang tempoh kawalan pergerakan ketika pandemik COVID-19.

Seperkara lagi, dalam penelitian terhadap beberapa aktiviti kebijakan yang dilakukan oleh masjid, penulis dapat mengenal pasti berlakunya penekanan sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap sebuah konsep yang disebut sebagai *maqasid shari'ah*.

Usaha-usaha kebajikan di atas secara tidak langsung menonjolkan aktiviti dakwah oleh masjid. Dalam usaha untuk mencapai keberkesanannya dalam penyampaian dakwah, ramai pengkaji bersetuju bahawa antara elemen yang harus ditekankan ialah elemen *rahmah*. Hal ini bersesuaian dengan Islam sebagai agama *rahmah* yang mencakupi seluruh alam seperti yang dinyatakan oleh al-Quran melalui surah al-Anbiya' ayat 107. Justeru, dalam konteks dakwah, aktiviti-aktiviti kebajikan yang sedang diusahakan oleh masjid telah menzahirkan satu pendekatan dakwah yang dipercayai mempunyai impak besar kepada imej masjid sebagai institusi yang amat dipercayai oleh masyarakat. Hal ini sekaligus melonjakkan kesyumulan dan kesucian agama Islam. Oleh itu, artikel ini mahu menjelaskan bagaimana masjid ini yang sudah lama mendapat penghormatan dan kepercayaan masyarakat mampu menjadi hab kebajikan dan memperkasakan sinergi dakwah.

#### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kualitatif sepenuhnya dengan menumpukan kaedah temu bual mendalam dan analisis kandungan. Selain itu, tumpuan kajian adalah berbentuk kajian kes di mana pengalaman pihak informan diketengahkan sebagai dapatan utama. Temu bual mendalam dijalankan terhadap empat orang informan yang

mewakili masjid-masjid terpenting di Malaysia (rujuk jadual 1). Masjid-masjid yang dipilih ini juga adalah masjid yang pernah memenangi anugerah masjid terbaik Malaysia pada tahun 2021. Selain itu, temu bual juga dijalankan terhadap seorang informan yang mewakili masjid terpenting di Aceh (rujuk jadual 1). Masjid ini juga telah dinobatkan sebagai masjid paling sibuk di Banda Aceh kerana berlaku peningkatan luar biasa dari aspek jumlah pengunjung dari dalam dan luar Aceh setelah berlakunya tragedi gempa tsunami. Justifikasi pemilihan masjid-masjid di Malaysia dan Aceh ini ialah untuk meneliti pengalaman daripada informan dalam menjadikan masjid masing-masing sebagai hab kebajikan masyarakat.

Setelah data lapangan diperolehi, analisis tema dilaksanakan dengan memberikan tema-tema bersesuaian dengan kandungan temu bual. Transkripsi asal tidak diletakkan sebagai inisiatif penulis yang ingin menjelaskan maksud sebenar yang disampaikan oleh informan. Segala pandangan dan idea daripada informan disusun mengikut tema agar ianya lebih mudah difahami berbanding meletakkan transkripsi asal yang sebahagiannya terlalu panjang, dan terdapat sebahagiannya yang terlalu umum tetapi masih boleh difahami. Satu perkara lagi yang ingin dijelaskan ialah kajian ini tidaklah bertujuan untuk membuat generalisasi terhadap sesebuah negeri maupun kelompok yang tertentu.

JADUAL 1. Informan temu bual

| Nama masjid              | Negeri          | Nama pengurus                           | Anugerah               | Tarikh / waktu temu bual |
|--------------------------|-----------------|---|------------------------|--------------------------|
| Masjid Putra Nilai       | Negeri Sembilan | Dr. Amru Alhaz bin Adnan Al-Hafiz       | Pengimaranan Kreatif   | 31.5.2023,<br>10.00 pagi |
| Masjid Al-Jawahir        | Johor           | Hj. Muhammad Ridwanto bin Syaiful Anwar | Pengimaranan Berimpak  | 21.6.2023,<br>10.00 pagi |
| Masjid Abdullah Fahim    | Pulau Pinang    | Mohd Lukmanul Hakim bin Mokhtar         | Pengimaranan Kreatif   | 22.2.2023,<br>10.00 pagi |
| Masjid Imam Haji Hashim  | Sabah           | Abdullah @ A Hadie bin Awang Adi        | Pengimaranan Strategik | 21.7.2023,<br>9.30 pagi  |
| Masjid Raya Baiturrahman | Banda Aceh      | Azman Ismail                            | Pengimaranan Berimpak  | 1.11.2023,<br>10.00 pagi |

#### MAQASID SHARI'AH SEBAGAI TERAS AKTIVITI KEBAJIKAN MASYARAKAT

Ketika melakukan penelitian terhadap aktiviti-aktiviti kebajikan masyarakat yang dilakukan oleh masjid, penulis dapat mengenal pasti wujudnya elemen sinergi dalam aktiviti tersebut. Elemen sinergi ini menjadi latar kepada pendekatan dakwah

yang dizahirkan melalui aktiviti-aktiviti kebajikan masyarakat. Selain itu, penulis juga dapat mengenal pasti bahawa dalam setiap aktiviti kebajikan masyarakat itu pula direalisasikan melalui sebuah konsep yang disebut sebagai *maqasid shari'ah*. Walaupun konsep *maqasid shari'ah* telah banyak diuraikan oleh tulisan-tulisan lain, namun penulis berpandangan wajar untuk dijelaskan juga secara

ringkas tentang konsep tersebut dalam artikel ini. Konsep *maqasid shari'ah* bermula dari era al-Juwayni dan al-Ghazali, kemudian disusun secara sistematis oleh al-Shatibi. Idea tersebut termaktub dalam kitabnya yang terkenal iaitu *al-Muwafaqat fi Usul al Ahkam* (al-Shatibi 2012). Kerangka teoritikal dalam perbahasan *maqasid shari'ah* adalah bermatlamatkan kepada penetapan shariah secara lebih tersusun untuk merealisasikan kemaslahatan manusia baik di dunia mahupun di akhirat (Syofyan 2014). Hal yang sama disebut oleh al-Raysuni (1999) bahawa matlamat sebenar yang ingin dicapai ialah untuk mencapai kemaslahatan manusia.

Penggunaan *maqasid shari'ah* dalam kajian ini merupakan hasil penganalisaan terhadap fungsi masjid pada zaman sekarang yang diperkasakan dengan merujuk kepada sejarah fungsi masjid yang wujud pada zaman Rasulullah S.A.W. Lima elemen *maqasid shari'ah* iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta menjadi kriteria penting untuk melestarikan kebajikan masyarakat. Dalam perkembangan terkini, terdapat pengkaji yang memasukkan elemen keenam dalam teras *maqasid shari'ah* iaitu menjaga alam sekitar. Justifikasi yang diberikan ialah usaha manusia untuk menjaga alam sekitar itu dianggap sebagai nilai universal yang juga menjadi sebahagian inti dalam ajaran agama Islam (Jaelani et al. 2017). Berdasarkan pertimbangan tersebut, menjaga alam sekitar dilihat sebagai sebahagian daripada elemen *maqasid shari'ah*. Hal ini boleh diperkuatkan lagi melalui pandangan al-Qaradawi (2017) bahawa segala aktiviti yang boleh merosakkan alam sekitar akan memudaratkan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda.

Justeru, dalam perbincangan ini, teras *maqasid shari'ah* dianggap relevan dijadikan sebagai panduan kepada masjid. Hal ini boleh diperkuatkan lagi melalui pandangan Mahmud (1979) yang menegaskan bahawa matlamat pembinaan masjid adalah untuk memelihara kesejahteraan manusia; memenuhi keperluan asasi manusia seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, kesihatan dan pendidikan; memastikan pengagihan pendapatan dankekayaan secara adil; memelihara kebebasan manusia; dan kerjasama dan keadilan dengan memperkasakan fakir miskin yang menjadi tanggungjawab masjid dalam memupuk kemandirian masyarakat (Astari 2014). Untuk merealisasikan *maqasid shari'ah* melalui masjid, perlu dilakukan pembaharuan pengurusan masjid supaya produktif dan profesional demi memperkasakan masyarakat. Kesemua ini menurutnya adalah untuk mengupayakan rumah

ibadat Islam untuk berfungsi sebagai hab dalam melahirkan umat manusia yang sejahtera di dunia dan akhirat.

Dalam sesi temu bual yang dilakukan terhadap informan, kesemuanya bersetuju bahawa masjid berfungsi sebagai tempat ibadat dan pusat aktiviti kemasyarakatan. Menurut Mohd Lukmanul Hakim (2023), masjid harus dapat menyediakan prasarana yang mencukupi sesuai dengan keperluan masyarakat yang pelbagai seperti orang kelainan upaya (OKU), wanita, kanak-kanak dan orang tua. Dalam konteks ini, semua masjid yang dipilih didapati telah memamerkan sikap bertanggungjawab terhadap masalah-masalah yang berlaku dalam karyah masing-masing dan di luar karyah. Sebagai contoh, Masjid Raya Baiturrahman telah melengkapkan persiapan dan peralatan dalam bentuk logistik dan kewangan untuk berdepan dengan bencana-bencana pasca tsunami. Oleh itu, mereka tidak hanya melindungi agama, malah turut memperkasakan fungsi dengan membuka peluang kepada masyarakat untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan penjanaan ekonomi.

Selain itu, rata-rata informan yang ditemui didapati mempunyai tahap kesedaran dan kreativiti yang tinggi dalam menyediakan pelbagai projek perkhidmatan asas untuk membantu masyarakat meneruskan kelangsungan hidup. Sebagai contoh, penyediaan sekolah agama, tapak untuk penjaja kecil, tapak untuk bertani, kilang perusahaan kecil, medan istirahat, perkhidmatan cuci kereta, perkhidmatan inap desa, perpustakaan, perkhidmatan internet, perkhidmatan kesihatan percuma, farmasi dan perkhidmatan kawalan keselamatan. Semua projek tersebut bertujuan untuk menolong masyarakat yang kurang berkemampuan atau yang mempunyai masalah dalam meneruskan kehidupan yang asas. Menurut Abdullah @ A Hadie (2023), pihak pengurusan Masjid Imam Haji Hashim menyediakan perkhidmatan kesihatan percuma secara berkala untuk menampung keperluan kesihatan golongan yang tidak berkemampuan tanpa mengira kaum dan agama. Projek kesihatan ini yang telah dilaksanakan sejak tahun lepas mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat dan dianggap telah memenuhi elemen perlindungan jiwa dan akal dalam *maqasid shari'ah*. Penulis juga mendapati objektif perkhidmatan kesihatan di Masjid Imam Haji Hashim ini mempunyai persamaan dengan Skim Perubatan MADANI yang sedang dirintis oleh kerajaan Malaysia pada waktu sekarang.

Dalam aspek pengurusan kewangan, Hj. Muhammad Ridwanto (2023) menegaskan bahawa masjid sebagai rumah ibadat Islam sentiasa dianggap oleh masyarakat mempunyai kredibiliti untuk menguruskan aset dalam bentuk kewangan. Dalam konteks ini, Masjid Al-Jawahir diberikan kepercayaan oleh ramai pihak termasuklah agensi korporat dan pemegang taruh untuk menyediakan pelbagai kaunter kewangan Islam seperti zakat, infaq, wakaf, skim pinjaman mudah tanpa riba, skim bantuan perkahwinan dan lain-lain. Di Masjid Putra Nilai pula, menurut Dr. Amru Alhaz (2023), mereka menawarkan bantuan barang runcit harian dalam bentuk kupon. Melalui kupon yang dipanggil “Kupon Bantuan Ihsan Masjid” ini, masyarakat yang kurang berkemampuan akan disantuni oleh pihak masjid secara berkala dari masa ke masa. Walaupun aktiviti-aktiviti seperti ini diakui oleh informan tidaklah dapat menawarkan bantuan dalam skala yang besar, namun sekurang-kurangnya mereka cuba untuk membantu masyarakat yang terdesak untuk meneruskan kelangsungan hidup. Elemen-elemen yang terdapat dalam *maqasid shari‘ah* seperti menjaga nyawa, akal, keturunan dan harta telahpun secara asasnya dipenuhi oleh pihak masjid.

Usaha untuk membaiki keadaan masyarakat dari aspek penjanaan pendapatan sehari-hari turut mendapat perhatian serius dari pihak pengurusan Masjid Raya Baiturrahman. Menurut Azman Ismail (2023), ramai penduduk tempatan di Banda Aceh

menjadi PKL dan mereka berniaga secara berselerak di sepanjang jalan utama bandar. Disebabkan oleh keadaan jalan yang sering dipenuhi oleh motokar dan orang ramai, maka peniaga sering berdepan dengan kesukaran untuk mencari lokasi yang selamat dan selesa. Justeru, pihak masjid telah mewujudkan inisiatif dengan membenarkan sebahagian PKL menggunakan ruang dalam masjid dan ruang pejalan kaki di luar tapak masjid. Beliau mengakui aktiviti ini telah mampu meningkatkan hasil jualan PKL di samping membantu melonjakkan lagi pengimaran masjid apabila orang ramai yang berkunjung akan singgah di masjid untuk mengerjakan solat.

Selain itu, terdapat masjid yang dipilih itu juga menonjolkan sikap cakna dan kreatif dalam melindungi alam sekitar. Sebagai contoh, Masjid Abdullah Fahim mengusahakan projek bercucuk tanam yang terdiri daripada sayuran, buah-buahan dan pokok bunga. Ia menjadikan landskap masjid kelihatan seperti habitat flora dan fauna. Semua aktiviti ini telah menonjolkan keprihatinan pihak masjid dalam aspek penjagaan alam sekitar seperti yang dinyatakan dalam *maqasid shari‘ah*. Usaha mereka untuk memanfaatkan perkembangan teknologi dan mencipta inovasi baru tanpa banyak mengganggu khazanah dan sumber asli yang terdapat atas bumi ini secara tidak langsung memperkenalkan teladan kepada masyarakat bahawa penting menjaga alam sekitar demi menjamin kelestarian hidup generasi yang akan datang.

JADUAL 2. Aktiviti Masjid dan Hubungannya Dengan *Maqasid Shari‘ah*

| Nama masjid              | Aktiviti   | <i>Maqasid Shari‘ah</i>                            |
|--------------------------|--|--|
| Masjid Putra Nilai       | Kupon bantuan ihsan barang runcit; kios jualan; bantuan tunai bencana  | Agama, nyawa, akal, harta                          |
| Masjid Al-Jawahir        | Wakaf buku teks & rujukan; perpustakaan; kilang kecil; kaunter kewangan Islam                                      | Agama, nyawa, akal, keturunan, harta               |
| Masjid Abdullah Fahim    | Pertanian; landskap mesra alam; kelas tambahan percuma; fasiliti OKU, warga emas & kanak-kanak; servis cuci kereta | Agama, nyawa, akal, keturunan, harta, alam sekitar |
| Masjid Imam Haji Hashim  | Pemeriksaan kesihatan percuma; bantuan tunai bencana   | Agama, nyawa, harta                                |
| Masjid Raya Baiturrahman | Bantuan tunai bencana; stor peralatan bencana; ruang perniagaan PKL  | Agama, nyawa, harta                                |

#### SINERGI DAKWAH DALAM AKTIVITI KEBAJIKAN DAN PEMERKASAAN FUNGSI MASJID

Dalam bahagian ini pula, penulis mahu menjelaskan bagaimana sinergi dakwah wujud dalam aktiviti-aktiviti kebajikan masyarakat yang dilaksanakan oleh masjid-masjid terpilih, sekaligus menjadi pemangkin kepada pemerkasaan fungsi masjid.

Sinergi dakwah tersebut telah dikenal pasti berlaku secara tidak langsung apabila pihak masjid mengadakan inisiatif yang berbentuk pendidikan, ekonomi dan kebajikan.

Dalam tinjauan yang dilakukan terhadap masjid-masjid, hampir semuanya mempunyai ruang khusus seperti perpustakaan dan ruang bacaan. Sebagai contoh, Masjid Al-Jawahir telah melakukan projek usaha sama dengan beberapa agensi yang terlibat

dengan penerbitan buku untuk menyediakan buku-buku agama dan umum. Selain itu, mereka turut menerima sumbangan buku teks sekolah dan aktiviti tambahan dalam bentuk wakaf untuk kegunaan masyarakat membuat ulang kaji dan tugas akademik. Selain itu, menurut Mohd Lukmanul Hakim (2023), pihak masjidnya menganjurkan kelas-kelas tambahan secara percuma seperti kelas seni mempertahankan diri, kelas teknologi maklumat, kelas pengurusan jenazah dan lain-lain. Kelas-kelas tambahan ini dilaksanakan dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan dan swasta serta melibatkan penyertaan pelbagai golongan dan peringkat tanpa mengira kaum dan agama. Keadaan yang wujud dalam aktiviti pengimaranan seperti ini telah menonjolkan suatu sinergi dakwah antara pelbagai pihak untuk menyalurkan khidmat kebajikan kepada masyarakat, sekaligus dapat memperkasakan lagi fungsi masjid.

Sinergi dakwah seperti ini juga dilihat begitu aktif apabila pihak masjid mengambil inisiatif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang melibatkan penjanaan ekonomi. Sebagai contoh, Masjid Nilai Putra Masjid melakukan usaha sama dengan ramai usahawan dan banyak syarikat perniagaan yang bersetuju untuk menyewa kios-kios jualan di masjid samada dengan membuka gerai jualan atau menempatkan mesin layan diri (*vending machine*). Malah terdapat masjid yang memperuntukkan sebahagian kawasannya untuk membina kilang kecil bagi menghasilkan produk tempatan seperti sabun dan makanan yang diusahakan sendiri oleh penduduk setempat. Menurut Hj. Muhammad Ridwanto (2023), Masjid Al-Jawahir agak beruntung kerana sering mendapat kepercayaan oleh ramai agensi dan tokoh korporat yang sudi melabur untuk pihak masjid memulakan perusahaan kecil seperti itu. Melalui aktiviti perusahaan dan ekonomi seperti ini, pihak masjid dapat memperkasakan lagi fungsinya sebagai rumah ibadat Islam yang cakna terhadap pembangunan ekonomi ummah. Dalam masa yang sama, keyakinan masyarakat terhadap fungsi masjid akan dapat dilonjakkan lagi apabila mereka menyaksikan sendiri bentuk sinergi yang positif berlaku antara pihak masjid dan agensi-agensi luar.

Dalam pelaksanaan inisiatif berbentuk kebajikan pula, seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, semua masjid terpilih dikenal pasti sangat aktif menjalankan aktiviti kebajikan kepada masyarakat. Secara teknikalnya, inisiatif kebajikan tersebut dapat dibahagikan kepada

beberapa kategori. Pertama, golongan yang kurang berkemampuan; kedua, golongan OKU; dan ketiga, golongan yang terkesan dengan bencana. Melalui tiga kategori ini, sinergi dakwah yang wujud di sebalik setiap aktiviti kebajikan tersebut akan lebih mudah untuk dijelaskan. Sebagai contoh, Masjid Imam Haji Hashim telah membina sinergi dakwah mereka dengan jabatan kesihatan dan pengamal-pengamal perubatan dalam program perkhidmatan kesihatan percuma yang berjaya menarik minat sebahagian besar golongan kurang berkemampuan yang beragama Islam dan bukan Islam untuk hadir ke masjid. Dalam tinjauan di Masjid Abdullah Fahim pula, mereka mempunyai kelengkapan dan prasarana yang begitu mesra terhadap golongan OKU. Selain tandas khusus untuk OKU, masjid juga menyediakan beberapa kerusi roda dan laluan khas untuk memudahkan mereka bergerak dalam kawasan masjid. Menurut Mohd Lukmanul Hakim (2023), kemudahan fizikal untuk OKU ini diperolehi melalui jalinan usaha sama mereka dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), ahli parlimen Kepala Batas dan beberapa agensi swasta. Menurut beliau lagi, walaupun pihak masjid mempunyai dana yang mencukupi untuk membeli peralatan tersebut, namun pihaknya memutuskan untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak kerana yakin bahawa impak yang akan diperolehi adalah jauh lebih baik berbanding jika dibuat secara bersendirian. Dalam konteks inisiatif bantuan kepada mangsa bencana pula, semua masjid didapati telah terlibat secara aktif menyalurkan bantuan apabila tiba masa yang diperlukan. Semua masjid telah mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah penduduk setempat untuk menghulurkan bantuan fizikal, tempat tinggal transit, wang dan barang runcit kepada masyarakat yang terkesan oleh pandemik COVID-19, banjir, kebakaran dan lain-lain. Bantuan tersebut bukan sahaja diagihkan kepada masyarakat setempat, malah penduduk yang tinggal di negeri lain turut juga disantuni.

Dalam tinjauan dan temu bual yang dilakukan dengan pihak masjid terpilih, perkara yang jelas dikenal pasti ialah pihak masjid tidak bersendirian dalam menjalankan setiap program kebajikan masyarakat. Semuanya dilakukan secara usaha sama melalui penglibatan aktif oleh pelbagai pihak dan agensi. Sebagai contoh, Masjid Raya Baiturrahman telah mewujudkan sinergi kerjasama dengan PKL dan pihak berkuasa tempatan untuk memastikan kawasan perniagaan mereka selamat untuk dikunjungi oleh orang ramai pada setiap hari

sehingga lewat malam. Selain itu, pihak masjid juga tidak hanya menghadkan golongan penerima bantuan daripada mereka yang beragama Islam sahaja. Malah, semua program kebaikan itu dianjurkan secara terbuka kepada semua masyarakat tanpa mengira kaum dan agama. Melalui penganjuran program-program yang sedemikian, membuktikan bahawa pihak masjid tidak mengetepikan golongan yang tidak berkemampuan, golongan bukan Islam dan golongan OKU untuk turut sama menyertai program-program yang telah disediakan oleh pihak masjid. Program-program sebegini walaupun mungkin dilihat kecil dan mudah, tetapi memberikan impak yang besar kepada pembentukan sinergi dakwah dan pemerkasaan fungsi masjid.

#### MASJID SEBAGAI HAB KEBAIKAN DAN SINERGI DAKWAH: PEMANGKIN KESEJAHTERAAN INSAN

Tidak dapat dinafikan bahawa kewujudan masjid adalah untuk meninggikan syiar Islam dan memartabatkan nilai-nilai murni secara bersepada dan holistik sebagai dasar yang lebih manusiawi. Selain menjalankan fungsi pusat ibadat untuk umat Islam, mereka juga menjadi “hab” yang efektif dalam membangunkan nilai kemanusiaan sejagat. Di Malaysia, faktor dominasi umat Islam menjadikan rumah ibadat Islam seperti masjid dan surau begitu mudah didapati di mana-mana dan kian bertambah saban tahun. Boleh dikatakan di setiap daerah mahupun di bahagian pedalaman kampung mempunyai sekurang-kurangnya sebuah rumah ibadat Islam. Berdasarkan faktor ini, program-program dakwah termasuklah kebaikan masyarakat mampu direncanakan dari masa ke masa. Faktor kepercayaan yang tinggi oleh masyarakat Islam terhadap rumah ibadat juga telah mewujudkan nilai keterikatan yang utuh antara pihak masjid dengan mereka. Justeru, mereka percaya bahawa rumah ibadat adalah tempat yang amat sesuai untuk menganjurkan sebarang aktiviti yang mendorong kepada kesejahteraan insan.

Disebabkan oleh wacana tentang hubungan masjid dengan pembangunan kesejahteraan insan bukanlah suatu hal yang dianggap asing, maka hal yang boleh dirumuskan melalui analisis yang telah dibuat terhadap kajian-kajian lepas ialah program pembangunan insan itu terus berlaku samada disedari atau tidak sebaik sahaja masjid itu terbina. Fakta sejarah zaman Nabi Muhammad S.A.W boleh dijadikan sandaran untuk membuktikan keterlibatan masjid dalam program yang melibatkan

pembangunan ummah (Nadvi & Khalid 2023). Walau bagaimanapun, dalam artikel ini, penulis mahu menonjolkan peranan masjid sebagai hab kebaikan masyarakat. Hal ini termasuklah juga aktiviti-aktiviti seperti penjanaan ekonomi, perkhidmatan kesihatan dan sosial, perkhidmatan pinjaman wang dan perkhidmatan pendidikan. Usaha dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh pihak masjid terpilih jelas menepati falsafah rumah ibadat Islam seperti yang dirakamkan dalam al-Quran melalui surah al-Nur ayat 36 dan 37. Menerusi ayat ini, Sayyid Qutb (1994) menyatakan masjid bukan sekadar tempat ibadat semata-mata, tetapi juga berperanan untuk membangunkan masyarakat melalui aktiviti-aktiviti yang lebih holistik. Dalam tinjauan dan temu bual yang dilakukan terhadap pihak masjid terpilih, penulis mendapati bahawa resipi utama kejayaan mereka untuk berfungsi sebagai hab kebaikan masyarakat sebenarnya banyak bergantung kepada kecekapan pentadbiran dan tata kelola pihak pengurusan masjid. Perkara ini selaras dengan pandangan Abdul Munir (2018) yang menyatakan bahawa asas kejayaan masjid adalah bergantung kepada urus tadbir yang profesional dan efisien.

Apabila mengaitkan masjid dengan dakwah, tentulah dakwah itu memerlukan perancangan dan pendekatan yang bukan sahaja lebih manusiawi tetapi bersifat dinamik seiring dengan perubahan masa. Dalam konteks ini, penting untuk menyebut pendapat Hamka (1984) dan al-Qaradawi (1990) yang menggesa agar aktiviti dakwah di masjid itu tidak hanya menekankan soal ilmu fardu ‘ain semata-mata, malah patut diperluaskan lagi skopnya kepada program-program yang berkait dengan pembangunan kesejahteraan insan.

Dalam perkataan lain, dakwah yang mampu menyentuh soal kesejahteraan insan perlulah diusahakan melalui gabungan teori dan amali. Menurut Bachtiar (2013), teori dalam hal ini merujuk kepada ilmu pengetahuan yang diperolehi, manakala amali pula merujuk kepada tindakan yang melengkapkan proses penyampaian ilmu pengetahuan tadi. Melaui tinjauan dan temu bual yang dibuat terhadap pihak masjid terpilih, satu perkara yang banyak diulang dan ditekankan oleh pihak informan untuk memastikan kejayaan setiap program ialah pentingnya mewujudkan jalinan usaha sama dengan pihak yang ketiga. Jalinan kerjasama atau usaha sama ini dikenali dalam artikel ini sebagai sinergi dakwah.

Tidak dinafikan bahawa bentuk sinergi dakwah sebegini telahpun wujud sejak dahulu

(Nik Mohd Rosdi 2007). Namun, kewujudannya itu boleh dianggap kurang mendapat tempat dalam perbincangan ilmiah. Malah untuk menonjolkannya sebagai pendekatan dakwah yang efisien, khususnya menyentuh terhadap peranan masjid boleh dikatakan terlalu kurang. Ramai pihak bersetuju bahawa masjid harus bersedia untuk melebarkan fungsinya agar mampu menjadi hab yang boleh menyantuni keperluan masyarakat secara lebih holistik (Muhamad et al. 2022).

Sinergi dalam dakwah ini hanya boleh berlaku apabila wujudnya kerjasama antara pelbagai agensi untuk menyantuni pelbagai masalah yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Al-Tabbaa (2014) menyifatkan pendekatan seperti ini sebagai sebuah inovasi dalam mempelbagaikan usaha untuk menangani masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat. Banyak bukti yang boleh ditemui daripada usaha dermawan tertentu menunjukkan bahawa bentuk usaha sama seperti ini merupakan sebuah pendekatan yang lebih efektif dan mudah untuk melaksanakan aktiviti yang berbentuk amal kebajikan (Selsky & Parker 2005). Dalam sinergi dakwah seperti ini, suatu elemen kerjasama akan dipertingkatkan sebagai platform untuk mencapai matlamat sosial yang sama dan semua pihak yang terlibat akan mempamerkan komitmen untuk saling menyumbang dalam kapasiti masing-masing (Austin & Seitanidi 2015). Teori ini bermaksud bahawa setiap aktiviti yang dilakukan secara usaha sama lebih banyak membuka potensi dan memberikan impak yang lebih baik berbanding apabila dilakukan secara bersendirian (Austin 2000a).

Melalui temu bual dengan pihak informan, mereka turut menegaskan tentang kepentingan mewujudkan sinergi dakwah seperti ini. Sebuah masjid tidak akan mampu untuk melebarkan fungsinya jika tidak berusaha mewujudkan jalinan usaha sama dengan pihak luar. Oleh kerana sinergi dakwah yang dipamerkan oleh pihak masjid terpilih terbukti telah membawa hasil yang baik, maka sudah sampai waktunya pendekatan ini turut diperluaskan atau diperkenalkan kepada masjid-masjid yang lain.

Justeru, perkembangan dakwah dan pembangunan kesejahteraan insan tidak dapat dipisahkan daripada masjid. Hal ini turut menunjukkan bahawa masjid adalah institusi yang amat berpotensi untuk menjadi pusat perkembangan dakwah dan hab kebajikan dalam masyarakat termasuklah berupaya menjadi pemangkin kepada kesejahteraan insan.

## KESIMPULAN

Sinergi dakwah juga bertepatan dengan maksud konsep *ta’awun* yang dilihat begitu bersesuaian dengan fungsi masjid untuk menyantuni masyarakat. Dalam konteks kebajikan masyarakat, istilah *ta’awun* boleh diterjemahkan kepada peranan luas masjid yang bukan sahaja bertindak sebagai platform untuk menghubungkan manusia dengan Allah S.W.T, tetapi juga merealisasikan hubungan antara sesama manusia.

Penggunaan teras *maqasid shari’ah* dalam aktiviti kebajikan juga telah ditonjolkan oleh semua masjid (rujuk jadual 2). Kepelbagaiannya aktiviti yang dilaksanakan oleh mereka boleh menjelaskan beberapa contoh fungsi masjid yang sepatutnya diperkasakan lagi pada zaman sekarang.

Melalui kajian ini juga, penulis mendapati masjid mempunyai potensi yang amat besar untuk turut berfungsi sebagai hab kebajikan masyarakat. Namun keupayaan masjid dalam konteks ini untuk memaksimumkan peranan mereka masih pada tahap yang belum boleh dibanggakan lagi. Keupayaan mereka untuk menjalankan pelbagai aktiviti kebajikan amat bergantung kepada perancangan strategik pihak pengurusan di samping kemampuan untuk membina jalinan usaha sama dengan pihak luar. Semua ini hanya boleh direalisasikan sekiranya pihak masjid itu mempamerkan kesungguhan dan komitmen yang tinggi.

Seharusnya mulai sekarang semua pihak yang terdiri daripada pengurusan masjid, pembuat dasar, pemegang taruh, agensi swasta dan masyarakat menyedari hakikat bahawa masjid menyediakan ruang ibadat, malah menyediakan peluang kepada semua pihak untuk berusaha melebarkan lagi fungsi masjid sebagai hab kebajikan masyarakat. Jadi, kajian ini mendapati masjid sememangnya terbukti mampu berperanan sebagai salah satu agen dakwah dan agen perubahan sosial masyarakat.

Walaupun banyak usaha yang telah dilakukan sebelum ini oleh pelbagai pihak samada oleh orang perseorangan, agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dan lain-lain, namun usaha ini didapati masih belum mencapai tahap optimum. Hal ini disebabkan oleh pendekatan dakwah sebelum ini menuntut golongan pendakwah pergi menemui masyarakat untuk menyampaikan dakwah. Cabaran yang timbul melalui pendekatan ini ialah golongan pendakwah sering berdepan dengan masalah masa dan kewangan yang amat terhad. Sebaliknya melalui pendekatan sinergi dakwah yang terhasil secara

tidak langsung daripada aktiviti-aktiviti kebajikan ini, golongan masyarakat baik yang beragama Islam mahupun bukan Islam dijangka akan berkunjung sendiri ke masjid untuk mendapatkan bantuan pada bila-bila waktu. Selain itu, isu kekurangan kewangan akan dapat diatasi melalui sumbangan rakan-rakan korporat strategik yang terlibat secara usaha sama dalam program-program kebajikan yang telah diatur.

Dalam konteks ini, pihak masjid yang belum lagi aktif dalam menjalankan aktiviti kebajikan seharusnya mengambil peluang yang terbuka luas ini untuk memetakan strategi yang lebih holistik bagi membuktikan bahawa masjid bukan sekadar mampu memenuhi keperluan kerohanian manusia, malah mampu membela nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusian demi mencapai kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam.

### PENGHARGAAN

Kajian ini ingin mengucapkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana mendarai Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan kod projek: FRGS/1/2022/SSI13/USM/02/10”.

### SUMBANGAN PENULIS

“Pengkonseptualan, Mohd Nazmi Mohd Khalli, Mohd Farid Mohd Sharif., Noor Shakirah Mat Akhir.; metodologi, Mohd Nazmi Mohd Khalli., Mohd Farid Mohd Sharif.; menyediakan bahan, Mohd Nazmi Mohd Khalli., Jasafat.; menulis draf asal, Mohd Nazmi Mohd Khalli., Mohd Farid Mohd Sharif.; menganalisis, Mohd Nazmi Mohd Khalli., Mohd Farid Mohd Sharif., Jasafat.; menyemak dan menyunting, Noor Shakirah Mat Akhir., Norsofiah Abu Bakar.; mengurus projek, Mohd Nazmi Mohd Khalli.; mendapatkan dana, Mohd Farid Mohd Sharif. Semua penulis telah membaca dan bersetuju agar versi terkini manuskrip ini diterbitkan.

### RUJUKAN

Abd Hadi Borham, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Wahyu Hidayat Abdullah & Abdul Ghafar Don. 2020. Penerimaan Pengajian Takmir di Institusi Masjid sebagai Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bagi Pengukuhan Kefahaman Islam dalam Masyarakat Muslim. *Islamiyyat*, 42(2): 147-161.

- Abdul Munir Ismail. 2018. *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Rahman Ahmad Dahlan et al. 2021. A *Journey of Ta’awun* (Cooperative Behaviour) in Edu-Action at IIUM Mkitchen® and Masjid al-Syakirin Gombak (MASG). Gombak: MESO Publishing.
- Abdullah @ A Hadie bin Awang Adi. 2023. Temubual pada 21 Julai 2023, jam 9.30 pagi secara atas talian.
- Ahmad Hassan Mohamed, Mohamed Aslam Akbar & Hassanuddeen Abd. Aziz. 2021. The Personification of Hospitality (Diyafah) in Community Development and its Influence on Social Solidarity (Takaful Ijtima’i) Through the Prophetic Tradition (Sunnah). *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization* (ISTAC), 26(1): 1-26.
- Amru Alhaz bin Adnan Al-Hafiz. 2023. Temubual pada 31 Mei 2023, jam 10 pagi di Masjid Putra Nilai, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.
- Asmadi Abdul Rahman & Ramlan Mustapha. 2020. Cabaran Pelaksanaan Dakwah terhadap Masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. *Islamiyyat*, 42(Isu Khas): 59-67.
- Austin, James E. 2000a. *The Collaboration Challenge. How Nonprofits and Businesses Succeed Through Strategic Alliances*. 1 st edition. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Astari, P. 2014. Mengembalikan Fungsi Masjid Sebagai Pusat Peradaban Masyarakat. *Jurnal Ilmu dakwah dan Pengembangan Komunitas*, 9(1): 3340-3361.
- Azzahra, Fatimah, Hafnidar A. Rani, Murdani, Maryadin & Aripinskyah. 2022. Construction of A Water Storage Tub for Ablution at the Muhajirin Mosque in Banda Aceh. *Jurnal Pengabdian Muhammadiyah*, 2(2): 215-227.
- Bachtiar, M. Anis. 2013. Dakwah Kolaboratif: Model Alternatif Komunikasi Islam Kontemporer. *Jurnal Komunikasi Islam*, 3(1): 152-168.
- Badlihisham Mohd Nasir, Ahmad Syukran Baharuddin & Norhidayu Muhamad Zain. 2019. The Role of Islamic Movements in Enhancing Da‘wah Work: The Malaysian Experience. *KEMANUSIAAN: the Asian Journal of Humanities*, 26(Supp. 1): 131-149.

- Bernama. 2021. Banjir: Masjid, kuil jadi pusat transit tidak rasmi edar sumbangan orang ramai. *Astro Awani*, 21 Disember. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-masjid-kuil-jadi-pusat-transit-tidak-rasmi-edar-sumbangan-orang-ramai-338511>. Telah diakses pada: 2 Ogos 2023.
- Bushral Huda Abd Manan & Muhamad Faisal Ashaari. 2014. Konsep Nilai Guna dalam Penilaian E-Masjid: Tinjauan Awal. *Islamiyat*, 36(2): 15-26.
- Al-Ghazālī, Muḥammad b. Muḥammad. 1937. *al-Muṣṭafā min ‘Ilm al-Uṣūl*. Baghdad: Maktabah al-Muthanna.
- Al-Ghazālī, Muḥammad b. Muḥammad. 1993. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, jil. 2. Beirut: Dār al-Fikr.
- Hamka, Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. 1984. *Tafsir al-Azhar*; j. 10. Jakarta: Panji Masyarakat.
- Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutalib & Rohaya Md. Ali. 2021. Sudut pandang dan kefahaman warganet terhadap zakat semasa pandemik COVID-19 di Malaysia berdasarkan teori prosodi semantik. *Kajian Malaysia* (Early view).
- Hj. Muhammad Ridwanto bin Syaiful Anwar. 2023. Temubual pada 21 Jun 2023, jam 10 pagi di Masjid al-Jawahir, Mutiara Rini, Johor Bharu, Johor.
- Husnul Rita Aris & Nor Saadah Musa, Pengurusan Tabung Masjid ke arah Pembangunan Ekonomi Masyarakat Setempat. 2014. *Dalam Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf* (IMAF 2014), Kajang: KUIS, 180-188.
- Ibrahim Komoo, Che Aziz Ali & Abd Rasid Jaafar. 2022. *Bencana Banjir Puing 2021: Implikasi Dasar dan Respon Pengurusan Hutan Negara*. <https://www.forestry.gov.my/images/pengumuman/2022/MFC/MFC2022/paperwork/KK16.pdf>. Telah diakses pada: 2 Ogos 2023.
- Ibrāhim Mūsā. 2006. *Al-Muwāfaqat fī Uṣul al-Shar‘iyah*, j. 2. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Jaelani, Aan, Slamet Firdaus, & Juju Jumena. 2017. Renewable energy policy in Indonesia: the qur’anic scientific signals in Islamic economics perspective. *International Journal of Energy Economics and Policy*, 7(4): 193-204.
- Karsono, Bambang, Maghfira, Fidyati & Olivia. 2023. Fenomena Pedagang Kaki Lima pada Kawasan Masjid raya Baiturrahman, Banda Aceh. *Jurnal Lingkungan Binaan Indonesia*, 12(2): 85-91.
- M. Alie & Zulfa. 2011. *Preliminary Study on the Potential Role of the Mosque in Disaster Situation in Indonesia: Six Mosques in Two Provinces*. Jakarta: Islamic Relief Indonesia (IRI).
- Mahmūd, ‘Alī Abd. Ḥalīm. 1979. *Al-Masājid wa Athāruhu fī al-Mujtamā’ al-Islāmī*, Kaherah: Dār al Ma’ārif. 1979.
- Muhamad Wahyudi, Aidi Ahmi, Sri Herianingrum. 2022. Examining Trends, Themes and Social Structure of Zakat Literature: A Bibliometric Analysis. *GJAT: Global Journal Al Thaqafah*, 12(1): 40-67.
- Misno, Abdurrahman, Wijaya & Rusdiana Priatna. 2018. The implementation of maqashid shari’ah as the tool of data analysis in Islamic economic law research. *Al-Iktisab: Journal of Islamic Economic Law*, 2(1): 59-72.
- Mohd Farid Mohd Sharif & Roshimah Shamsudin. 2018. Intercultural Da’wah Taxonomy for a Pluralist Society. *KATHA-The Official Journal of the Centre for Civilisational Dialogue*, 13(1): 94–117.
- Mohd Khambali@Hambali, K., Abdul Khalil, S. & Daud, M.Z. 2022. ‘My Sejahtera’ Application as COVID-19 Control Mechanism from Islamic Thought Perspective: Malaysia Experience. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, Special Issue on COVID-19:245-284.
- Mohd Ridhuwan Remly, Muhd Najib Abdul Kadir, Fadlan Othman & Siti Azimah Sabaruddin. 2020. Prinsip Sosial Dalam Pengimaranan Institusi Masjid: Kajian di Masjid Bertaraf Cemerlang. *Jurnal Hadhari*, 12(1): 1-15.
- Mohd Lukmanul Hakim bin Mokhtar. 2023. Temubual pada 22 Februari 2023, jam 10 pagi di Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas, Pulau Pinang.
- Mualimin Mochammad Sahid, Hasnizam Hashim & Fettane Amar. 2020. *Prinsip Keluarga Islam Mendepani Norma Baharu Semasa Pandemik Covid-19. Dibentangkan di Seminar Antarabangsa Sains dan Islam*. Anjuran Persatuan Kakitangan Akademik & Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, 15 Oktober.
- Muhammad Imran Ibrahim, Mohd Nizam Sahad & Suhaila Abdullah. 2020. Pembangunan Remaja Masjid Masa Kini: Satu Tinjauan di Masjid Daerah Kinta, Perak. *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3): 168-183.

- Muhammad Imran Ibrahim, Mohd Nizam Sahad & Suhaila Abdullah. 2020. Pembangunan remaja masjid masa kini: Satu tinjauan di masjid daerah Kinta, Perak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3): 168-183.
- Nadvi, M. J. & Khalid, M. 2023. Exploring the Historical Significance of the Social Security and Welfare Systems in Islam: The Era of 'Umar ibn al-Khattab. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(1): 59-65.
- Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad. 2007. Masjid sebagai pencetus kecemerlangan ilmu dan pendidikan keluarga. Dalam Abd. Hamid Othman (pnyt). *Islam hadhari: kekuatan masjid dalam menjana masyarakat gemilang*. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.
- Norhafizah Ahmad & Latifah Abdul Majid. 2023. Issues and Challenges of Period Poverty During the Covid-19 Pandemic in Malaysia. *Islamiyyat*, 45(Isu Khas): 83-91.
- Nurjamilah, C. 2016. Pemberdayaan Masyarakat Berbasis Masjid Dalam Perspektif Dakwah Nabi SAW. *Journal of Islamic Studies and Humanities*, 1(1): 93-119.
- Pejabat Perdana Menteri. 2023. Teks Ucapan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat. <https://www.pmo.gov.my/ms/2023/07/teks-ucapan-ekonomi-madani-memperkasa-rakyat-2/>. Telah diakses pada: 2 Ogos 2023.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2017. *Fiqih Maqashid Syariah: Moderasi Islam Antara Aliran Tekstual Dan Aliran Liberal*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal. 2011. Dialog Antara Agama: Realiti dan Prospek di Malaysia. *Kajian Malaysia*, 29(2): 87-106.
- Al Raysūnī, Ahmad. 1999. *Al Fikr al Maqāṣidī wa Qawā'iduh wa Fawā'iduh*. Ribāt: Jarīdah al Zaman.
- Razaleigh Muhamat Kawangit. 2014. Understanding of Islamic Values Approach Through the Mosque Activities among Indian Muallaf in Malaysia. *The Social Sciences*, 9(4): 265-271.
- Sayyid Qutb. 1994. *Fī Zilāl al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Shuruq.
- Selsky, John W. & Parker, Barbara. 2005. Cross-sector partnerships to address social issues: Challenges to theory and practice. *Journal of Management*, 31(6): 849-873.
- Sharifah Norhafiza Syed Ibrahim, Hamidah Bani, Radziah Mahmud, Mohd Yassir Jaaffar, Salina Abdullah & Mohd Tarmizi Ibrahim. 2021. Good Governance Practiced by The Malaysian Mosque Committees in Managing Mutual Benevolence: Member's Perception. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2): 50-62.
- Al-Shatibi, Ibrahim I. 2012. *The Reconciliation of the Fundamentals of Islamic Law*, Vol. I. UK: Garnet Publishing, Reading.
- Sidi Gazalba. 1971. *Masjid Pusat Pembinaan Umat*, Jakarta: Pustaka Antara.
- Syofyan, Adriani. 2014. Analisis kinerja bank syariah dengan metode indeks maqasid syariah di Indonesia. Al Masraf: *Jurnal Lembaga Keuangan Dan Perbankan*, 2(2): 145-158.
- Al-Tabbaa, Omar, Desmond Leach, & John March. 2014. Collaboration between nonprofit and business sectors: A framework to guide strategy development for nonprofit organizations. *Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, 25(3): 657-678.
- Utama, R. D. R., Fitrandasari, Z., Arifin, M., & Muhtadi, R. 2018. Can Mosque Fund Management For Community Economic Empowerment?: An Exploratory Study. *International Journal of Islamic Business Ethics (IJIBE)*, 3(2): 451-457.
- Wahidin, K., Maulana, M.A., Subhanudin, A. & Irfan, M. 2020. Program Unggulan Masjid dalam Peningkatan Keagamaan Bagi Para Muallaf di Masa Pandemi Covid 19 (Studi Kasus di Masjid Nurul Hidayah Desa Cisantana Kec. Cigugur Kuningan). *Al-Mufassir*, 2(2): 41-50.
- Zaleha Embong, Amaal Fadhlini Mohamed, Nazri Muslim & Noor Shakirah Mat Akhir. 2023. Principle of Responsibility in the Medina Charter to Build Cooperative Relations of the Cross-Cultural Community. *Islamiyyat*, 45(1): 173-180.
- Zaydan, 'A. K. 2001. *Usul al-Da'wah*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah. 1941. *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*. Beirut: Dār al-Fikr.